

# PERANAN DAN CABARAN EKONOMI ISLAM DALAM ERA GLOBALISASI: SUATU ANALISIS

Oleh:  
Dr. Joni Tamkin b. Borhan

## Abstract

*Globalization has become the defining process of the present age. The most important aspects of economic globalization are the breaking down of national economic barriers, the international spread of trade, the financial and production activities, and the growing power of transnational corporations and international financial institutions in the process. While the opportunities and benefits of this process have been stressed by its proponents and supporters, recently there has been increasing disillusionment among many policy makers in the developing countries, analysts and academicians as well as community of non-governmental organizations (NGOs) in both Eastern and Western countries. The reasons for the changing perception of and attitude towards globalization are many. Among others are the lack of tangible benefits to most developing countries from opening their economy despite the well-publicized claims of export and income gains, the economic losses and social dislocation that are being caused to many developing countries by rapid financial, trade and investment liberalization, the growing in-*

*equalities of wealth and opportunities arising from globalization and the perception that environmental, social and cultural problems have been made worse by the working of the global free economy. In this connection, this article analyses the features of Islamic economy system, the nature of economy globalization, the failure of the conventional economy systems in the age of global village and the roles, and challenges of Muslim Ummah to globally impliment the Islamic economy system in the world countries.*

## **Pendahuluan**

Dekad 1990-an sering dikatakan sebagai era globalisasi atau *age of globalization*. Ini adalah kerana pada dekad ini banyak fenomena penting telah mencorakkan *order baru* ekonomi dunia. Kegiatan ekonomi dunia tidak lagi dibatasi oleh sempadan geografi, bahasa, budaya dan ideologi politik sesebuah negara. Sebaliknya sistem ekonomi setiap negara bergerak secara lebih terbuka atas dasar perlu-memerlukan dan gantung-bergantungan antara satu sama lain. Dunia diibaratkan seperti sebuah planet yang tidak mempunyai sempadan (*borderless*) dan terdapat banyak peluang yang boleh diambil oleh setiap negara untuk meningkatkan tahap ekonominya dan cabaran yang harus dihadapi dalam menghadapi perubahan sejagat ini untuk manfaat masyarakat dan negara. Dalam hubungan ini, penulis akan mengupas peranan yang boleh dimainkan oleh sistem ekonomi Islam yang bersifat unggul dan membawa kesejahteraan sejagat dalam era globalisasi. Selain itu, cabaran-cabaran sistem ekonomi Islam juga dianalisis kerana ia mampu bertahan bagi menangani kehendak global, dan kerana ternyata sistem ekonomi konvensional yang bersifat kebendaan tidak mampu bertahan dalam arus globalisasi tersebut.

## **Definisi Ekonomi Islam**

Ahli-ahli ekonomi Islam memberikan pelbagai definisi berkenaan dengan sains ekonomi Islam. Antaranya Muhammad Abdul Mannan menyatakan bahawa ekonomi Islam ialah ilmu sains sosial

yang mengkaji masalah ekonomi yang berpegang pada nilai Islam.<sup>1</sup> Muhammad Akram Khan mendefinisikannya sebagai suatu kajian *al-falāh* manusia melalui pengurusan sumber bumi berasaskan kerjasama dan penyertaan.<sup>2</sup> Hasanuzzaman mentakrifkan ekonomi Islam sebagai ilmu pengetahuan dan penggunaan perintah dan peraturan Syariat untuk melindungi ketidakadilan dalam perolehan dan penggunaan sumber asli bagi tujuan memenuhi keperluan manusia dan bagi membolehkan mereka melaksanakan tanggungjawab kepada Allah dan masyarakat seluruhnya.<sup>3</sup> Masudul Alam Choudhury mentakrifkannya sebagai kajian sejarah, empirik dan teori bagi menganalisis keperluan manusia serta masyarakat berasaskan kepada panduan sistem nilai Islam.<sup>4</sup> Muhammad al-Faisal al-Su'ud berpandangan bahawa ekonomi Islam ialah satu ilmu alat (*waṣīlah*) yang digunakan oleh manusia bagi memenuhi segala hajat individu dan masyarakat sesuai dengan peraturan Syariat.<sup>5</sup>

Daripada pelbagai pendapat dan pandangan tersebut dapatlah disimpulkan bahawa ekonomi Islam ialah ilmu yang mengkaji segala kegiatan manusia yang selari dengan prinsip-prinsip Syariat dari sudut memperolehi kekayaan dan pendapatan, mengguna dan menguruskan sumber-sumber pengeluaran untuk faedah diri dan kebaikan bersama dalam bentuk kebendaan dan kerohanian untuk

<sup>1</sup> *Islamic Economics: Theory and Practice*, Sh. Muhammad Ashraf, Lahore, 1987, hal. 3.

<sup>2</sup> "Islamic Economics: Nature and Need" dlm *Challenge of Islamic Economics*, All-Pakistan Islamic Education Congress, Lahore, 1985, hal. 20.

<sup>3</sup> "The Objectives of Economics Policy," *Islamiyyat*, Jil. 3, 1981, hal. 13; *Idem*, "Definition of Islamic Economics," dlm *Journal of Research in Islamic Economics*, Vol. I (2), 1984, hal. 52.

<sup>4</sup> *Contributions to Islamic Economic Theory: A Study in Social Economics*, The MacMillan Press Ltd., Hong Kong, 1986, hal. 4.

<sup>5</sup> Seperti dicatat oleh Hamzah Ismail dan Sobri Salamon, "Ke Arah Pelaksanaan Sistem Ekonomi Islam di Malaysia", Kertas Kerja *Seminar Intelek Islam di Malaysia ke-2*, anjuran Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah (PBMTT), UKM, Bangi, 1982.

mendapatkan keredaaan Allah SWT.<sup>6</sup> Dalam perkataan lain ekonomi Islam ialah satu disiplin ilmu yang ruang lingkup kajiannya ialah pemilikan sumber-sumber kekayaan dan pendapatan, penggunaan barang-barang dan perkhidmatan, aktiviti pengeluaran barang-barang dan perkhidmatan dan amalan pengagihan semula kekayaan (*transfer payment*) dan pendapatan kepada yang berhak dan layak menurut Islam.

Daripada pelbagai definisi yang diutarakan beberapa perkara penting harus diperhatikan dalam pengajian ilmu ekonomi Islam. Pertama, ialah persoalan berkenaan dengan sumber-sumber pengeluaran yang sifatnya berkurangan tetapi relatif, tidak mutlak seperti fahaman ekonomi konvensional. Sumber-sumber pengeluaran dalam pengertian ekonomi ialah buruh, modal, tanah dan keusahawanan. Konsep kekurangan relatif yang difahami di sini ialah bahawa manusia tidak mengetahui nikmat dan anugerah yang Allah akan berikan kepada manusia dalam kehidupannya di dunia ini. Secara fizikalnya, menurut fahaman ekonomi konvensional, sumber-sumber pengeluaran tersebut adalah berkurangan dan tidak memadai untuk memenuhi keperluan dan hajat manusia dalam hidupnya.<sup>7</sup> Kedua, iaitu persoalan kaedah dan peraturan yang memimpin aktiviti perekonomian setiap Muslim ialah panduan Ilahi (syariat Islam), bukannya pemikiran dan akal manusia seperti dalam prinsip ekonomi konvensional.<sup>8</sup>

---

<sup>6</sup> Bandingkan: Surtahman Kastin Hasan, *Ekonomi Islam: Dasar dan Amalan*, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kuala Lumpur, 1993, hal. 19.

<sup>7</sup> Muhammad Abdul Mannan, "Scarcity, Choice and Opportunity Cost: Their Dimensions in Islamic Economics", *The Frontiers of Islamic Economics*, New Delhi, 1984, hal. 99-132.

<sup>8</sup> Muhammad Akram Khan, "Methodology of Islamic Economics" dalam Aidit Ghazali, *et al* (eds.), *Readings in the Concept and Methodology of Islamic Economics*, Pelanduk Publications, PJ, 1989, hal. 49-68; Monzer Kahf, "Islamic Economics and Its Methodology" dalam *Ibid.*, hal. 40-48; *Idem*, "Islamic Economics System - A Review", dalam *Ibid.*, hal. 74-81; M. Arif, "Towards The Shari'ah Paradigm of Islamic Economics: The Beginning of Scientific Revolution," dalam *American Journal of Islamic Social Sciences*, Vol. II (1), 1985, hal. 79-99.

Ketiga, matlamat kegiatan ekonomi umat Islam ialah untuk mencapai *al-falāḥ* iaitu kehidupan yang sejahtera dan bahagia serta mendapat kerediaan Allah SWT di dunia dan di akhirat. Kesejahteraan dan kebahagiaan yang dikecapi oleh umat Islam sama ada dalam bentuk material atau rohani.<sup>9</sup> Matlamat ini berbeza dengan matlamat sistem ekonomi konvensional yang hanya mengejar kejayaan material di dunia tanpa mengira jalan dan wasilahnya betul atau salah.

### Asas Nilai-nilai Etika Ekonomi Islam

Ahli-ahli ekonomi Islam seperti Syed Nawab Haider Naqvi<sup>10</sup> ada menyarankan asas nilai-nilai etika sejagat dalam ekonomi Islam ialah Tauhid, keadilan (*al-'adl / equilibrium*), kebebasan kehendak (*free will*) dan bertanggungjawab (*responsibility*). Asas nilai-nilai etika ini adalah juga asas pengendalian sistem Islam secara keseluruhannya. Nilai tauhid bermaksud segala perbuatan manusia termasuk dalam kegiatan ekonomi mesti dikaitkan dengan Allah SWT. Berkenaan dengan nilai yang kedua, ia bermaksud segala tindak tanduk manusia mestilah berteraskan kepada kesaksamaan dan keadilan yang ditetapkan oleh Islam. Nilai kebebasan kehendak bermaksud manusia mempunyai kebebasan untuk menjalankan kehidupannya, tetapi kebebasan yang diberikan itu tidak bersifat mutlak, namun kebebasan dalam lingkungan yang dizinkan oleh Syariat. Asas nilai etika yang keempat iaitu bertanggungjawab, dengan maksud; oleh kerana manusia mempunyai kebebasan untuk menjalankan kehidupannya, manusia bertanggungjawab terhadap segala tindak tanduknya.

Keempat-empat aksiom etika yang sejagat seperti yang dijelaskan di atas menjadi asas pembentukan nilai-nilai etika yang

<sup>9</sup> Muhammad Akram Khan, *An Introduction to Islamic Economics*, New Delhi, 1999, hal. 34.

<sup>10</sup> Syed Nawab Haider Naqvi, *Ethics and Economics: An Islamic Synthesis*, The Islamic Foundation, Leicester, UK, 1981, hal. 45-57; Diskusi hubungan sistem sosial Islam dengan konsep Tawhid terdapat dalam Sayyid Qutb, "Islamic Approach To Social Justice" dalam Khurshid Ahmad (ed.), *Islam: Its Meaning and Message*, Islamic Council of Europe, London, 1976.

ada hubungan secara langsung dengan gelagat individu dalam kegiatan ekonomi. Gelagat individu Muslim dalam kegiatan ekonominya dapat dirumuskan seperti berikut:<sup>11</sup>

- i. Individu Muslim sebagai agen ekonomi sentiasa memberi pertimbangan kepada keperluan dan kepentingan masyarakat dalam setiap aktiviti ekonominya seperti penggunaan, pengeluaran, pelaburan dan sebagainya.
- ii. Individu Muslim mempunyai kepentingan diri dalam kegiatan ekonominya yang menjadi salah satu daya penggerak untuknya supaya berusaha lebih. Individu Muslim juga dianggap menghormati kepentingan masyarakat. Prinsip yang diikuti ialah apabila kepentingan individu bertembung dengan kepentingan masyarakat, kepentingan masyarakat hendaklah diberikan keutamaan olehnya.
- iii. Individu dan masyarakat Islam keseluruhannya mestilah mencapai objektif-objektif berikut:
  - a. Memenuhi keperluan asasi semua ahli masyarakat.
  - b. Keadilan dalam pengagihan kekayaan dan pendapatan di kalangan masyarakat.
  - c. Kestabilan dalam ekonomi negara.
  - d. Pertumbuhan ekonomi negara dengan pesat.
- iii. Individu Muslim akan mengamalkan kesempurnaan dalam aktiviti penggunaan dan akan menjauhi perbuatan-perbuatan yang menghalang pembangunan ekonomi negara seperti pembaziran dan pengeluaran barangan lagak dan mewah.
- ix. Individu Muslim akan memupuk semangat kerjasama, tolong menolong dan perbincangan sesama mereka untuk menjayakan matlamat-matlamat masyarakat dalam

<sup>11</sup> Nik Mustapha Hj. Nik Hassan, "Asas-asas Falsafah dan Etika Ekonomi Islam," Kertas Kerja yang dibentangkan di *Program Kursus Jangkapendek Ekonomi Islam* anjuran Kulliyah Ekonomi, Universiti Islam Antarabangsa pada 26-27 Julai 1986 bertempat di UIA, Petaling Jaya, hal. 18-19.

ekonomi. Prinsip ini adalah relevan untuk mewujudkan hubungan yang rapat antara buruh dan majikan, antara pengguna dan pengeluar, antara kerajaan dan rakyat, antara pemodal dan usahawan dan sebagainya.

- x. Individu Muslim akan memperuntukkan peratusan tertentu daripada pendapatan dan kekayaannya untuk menabung dan melabur. Keputusannya untuk menabung yang berkait rapat dengan melabur akan mencetuskan kegiatan ekonomi dengan pesatnya dan seterusnya menumbuhkan ekonomi.

Kesemua nilai dan prinsip etika yang dijelaskan di atas adalah berkait secara langsung dengan nilai-nilai Islam yang bersifat bersepadu. Lanjutan dari itu, semua kegiatan ekonomi seperti penggunaan, pengeluaran dan pelaburan yang dikendalikan oleh orang-orang Islam tidak boleh lari daripada nilai-nilai etika tersebut. Pendekatan yang dibuat ini dengan jelas membezakan sistem ekonomi Islam dengan sistem ekonomi konvensional.

### **Sistem Ekonomi<sup>12</sup> Islam**

Menurut definisi yang biasa diutarakan oleh ahli-ahli ekonomi konvensional, sistem ekonomi ialah kehidupan semulajadi ekonomi yang berada di bawah satu sistem sosial yang tertentu. Kehidupan ekonomi boleh berubah dari satu sistem kepada satu sistem yang

---

<sup>12</sup> Dalam pengkajian ekonomi, istilah teori, polisi dan sistem tidak boleh dikesampingkan. Teori ekonomi menjelaskan tentang punca-punca sesuatu masalah yang berlaku dalam ekonomi. Polisi pula ialah langkah-langkah yang perlu diambil bagi mengatasi masalah tersebut. Cara-cara pelaksanaan polisi itu dikenali sebagai sistem. Dalam perkataan lain sistem ekonomi berfungsi dalam pelaksanaan polisi tersebut. Sistem ekonomi ialah '*institutional means*' dalam peruntukan sumber alam bagi mencapai matlamat yang tertentu. Institusi ialah peraturan yang berdasarkan kepada kepercayaan, adat dan tradisi masyarakat setempat. Ini bermakna sistem ekonomi ialah peraturan yang berasaskan kepada kepercayaan masyarakat yang mendokongnya di dalam pelaksanaan polisi untuk menyelesaikan masalah-masalah yang berlaku dalam ekonomi. Lihat Umpamanya, Saiful Azhar Rosly, *Peranan Ekonomi Islam Di Dalam Pembangunan Negara*, Bahagian Hai Ehwat Islam, JPM, 1096, 30 hal.

lain bergantung kepada penglibatan kerajaan dalam ekonomi dan sikapnya terhadap institusi-institusi swasta.<sup>13</sup>

Pelbagai definisi juga telah dikemukakan oleh para sarjana ekonomi Islam berkenaan definisi sistem ekonomi dan sistem ekonomi Islam. Antaranya Prof. Siddiqi mengatakan bahawa sistem ekonomi ialah jalan atau cara untuk menjamin kebajikan manusia pada umumnya dan kebajikan ekonomi secara khusus.<sup>14</sup> Muhammad Baqir al-Ṣadr menyatakan bahawa sistem ekonomi ialah jalan yang dipilih untuk diikuti oleh masyarakat dalam kehidupan perekonomiannya dan menggunakannya untuk penyelesaian masalah-masalah yang praktikal.<sup>15</sup>

Daripada penjelasan tersebut dapatlah dinyatakan bahawa sistem ekonomi ialah sekumpulan undang-undang penting dalam ekonomi yang menggambarkan kefahaman masyarakat tentang keadilan sosial. Konsep keadilan sosial itu bukanlah suatu konsep yang saintifik kerana ia melibatkan pengukuran nilai dan etik yang tidak boleh dijalankan dengan penyiasatan yang empirik. Justeru itu, sistem itu adalah sesuatu yang berasingan daripada sains ekonomi.

Muhammad Bāqir al-Ṣadr<sup>16</sup> dan Maḥmūd Abū Sa'ūd<sup>17</sup> berpendapat bahawa sistem ekonomi Islam tidak boleh wujud berasingan daripada undang-undang Shari'ah yang lengkap. Lantaran itu kedua-duanya berhujah bahawa ekonomi Islam lebih mirip kepada ekonomi politik yang fungsinya merupakan penemuan hukum dan menganalisis kehidupan sebenar dalam

<sup>13</sup> Lihat umpamanya, Philip S. A. Taylor, *A New Dictionary of Economics*, Routledge and Kegan Paul, London, 1966, hal. 79.

<sup>14</sup> Muhammad Nejatullah Siddiqi, *Muslim Economic Thinking: A Survey of Contemporary Literature*, The Islamic Foundation, Leicester, UK, 1981, hal. 11.

<sup>15</sup> Al-Ṣadr, *Iqtisādunā*, Dār al-Kitāb al-Lubnānī, Beirut, 1983, hal. 341.

<sup>16</sup> *Ibid.*, hal. 226-227 dan 229.

<sup>17</sup> "Money, Interest and Qirad" dalam Khurshid Ahmad (ed.), *Studies in Islamic Economics*, The Islamic Foundation, Leicester, UK, 1980, hal. 59.



konteks masyarakat Islam yang cara hidup Islam telah diamalkan. Mereka menyimpulkan, sains yang demikian boleh menjelma hanya selepas masyarakat Islam yang sebenar telah wujud. Ahli-ahli ekonomi Islam yang lain juga berpendapat bahawa sains ekonomi Islam atau pun sistem ekonomi Islam yang relevan dengan masyarakat Islam akan wujud apabila sistem ekonomi itu mempunyai orang-orang yang perlakuannya bersifat keislaman dan sebuah ekonomi yang bertunjangkan hukum dan institusi Islam.<sup>18</sup>

### Sistem Ekonomi Konvensional

Perbincangan dalam sistem ekonomi konvensional lebih tertumpu kepada sistem ekonomi kapitalis<sup>19</sup> yang banyak diamalkan oleh negara-negara blok Barat dan sistem ekonomi komunis yang pada asalnya diamalkan oleh Soviet Unions, China dan mereka yang bersekutu dengan mereka, meskipun pengamalan doktrin dan prinsip sistem ekonomi tersebut secara menyeluruh pada masa sekarang menimbulkan persoalan terutamanya setelah berakhirnya zaman *cold war*.

Sistem ekonomi kapitalis<sup>20</sup> yang diasaskan kepada fahaman liberalisme, kebebasan pasaran, kebebasan pertandingan (*laissez faire laissez passer*) dan kebebasan individu memiliki harta kekayaan tanpa ada batasan.<sup>21</sup> Golongan kapitalis menganggap

<sup>18</sup> Muhammad Nejatullah Siddiqi, *op. cit.*, hal. 69.

<sup>19</sup> Sama ada kapitalisme moden atau neo-kapitalisme, tidak ada bezanya dengan old-kapitalisme yang bersifat liberal dan *authoritarian* iaitu keburukan-keburukan sistem ekonomi ini masih banyak dan serupa.

<sup>20</sup> Menurut *Encyclopaedia Britannica*, kapital boleh difahami secara ringkas sebagai harta yang digunakan bagi memperolehi lebih banyak harta dan kekayaan, dan kapitalisme pula bermaksud sistem yang mengamalkan proses tersebut. Lihat *Encyclopaedia Britannica*, Vol. IV, William Benton, 1970, hal. 839-840.

<sup>21</sup> H. Kahrudin Yunus, "Islamic Economic System" dalam Mu'tamar al-Ālam al-Islāmī, World Muslim Congress, *Some Economic Aspects of Islam*, Umma Publishing House, Lahore, 1964, hal. 94; Afzal-ur-Rahman, *Economic Doctrines of Islam*, Vol. I, Islamic Publications Ltd., Lahore, 1980, hal., 1-4.

bahawa mencari dan mengembangkan harta kekayaan adalah matlamat utama dan terakhir dengan alasan hartalah yang membawa kemajuan kepada manusia dalam hidupnya.<sup>22</sup> Lantaran itu, di atas alasan dan slogan keadilan dan persamaan, golongan yang mempunyai modal dan harta yang kecil jumlahnya mengeksploitasi golongan yang ramai dan yang miskin dalam mencari kekayaan.<sup>23</sup> Pemilik modal diberikan hak mutlak untuk memiliki seberapa banyak harta kekayaan yang dikehendaki tanpa ada sekatan. Malah peranan kerajaan dalam ekonomi dilihat pada mulanya tidak ada langsung.

Sistem ekonomi kapitalis telah menerima banyak kritikan daripada ramai penulis. Menurut al-Mawdūdī, meskipun telah wujud secara meluas kebebasan individu, perusahaan bebas, pasaran bebas dan institusi bunga, tetapi pada hakikatnya banyak menimbulkan malapetaka dalam zaman revolusi perindustrian, sementara penderitaan dan kemelaratan berleluasa. Penghalalan institusi riba telah menambahkan sifat antisosial perusahaan kapitalistik itu hingga membawa kepada penumpuan kekayaan kepada segelintir individu dan kepapaan kepada masyarakat ramai. Penekanan yang keterlaluan terhadap kepentingan diri dan motif mencari untung telah mewujudkan masyarakat tanpa sifat kemanusiaan, persaudaraan, simpati dan kerjasama.<sup>24</sup> Muhammad Abdul Mannan pula menegaskan bahawa sistem ini gagal untuk mengekalkan gunatenaga penuh dan memastikan persaingan bebas dalam pasaran.<sup>25</sup> Mahmud Ahmad menyatakan sistem ini mengundang banyak keadaan kelam kabut dan krisis ekonomi<sup>26</sup>

<sup>22</sup> Muhammad Bāqir al-Ṣadr, *Iqtisādunā*, hal. 589.

<sup>23</sup> Irfan Mamud Raana, *Economic System Under Umar The Great*, S. H. Muhammad Ashraf, Lahore, 1972, hal. 146.

<sup>24</sup> Sayyid Abul A'ālā al-Mawdūdī, *Islam Aur Jadid Ma'ashi Nazariyat* (Islam dan Teori Ekonomi Modern), New Delhi, 1969, hal. 26-51; *Idem.*, *Economic System of Islam*, Islamic Publications Ltd., Lahore, 1984, hal. 13-25.

<sup>25</sup> Muhammad Abdul Mannan, *op. cit.*, hal. 37-38.

<sup>26</sup> Sheikh Mahmud Ahmad, *Economics of Islam: A Comparative Study*, S. H. Muhammad Ashraf, Lahore, 1972, hal. 4-17.

Kelemahan utama sistem ini menurut Bāqir al-Ṣadr ialah kegagalannya dalam proses pengagihan kekayaan dan pendapatan. Penekanan pengeluaran barangan tertentu yang banyak tanpa melihat keperluan masyarakat menyebabkan konsep kebajikan dalam masyarakat tidak dapat diwujudkan.<sup>27</sup> Melalui sistem agihan yang adil sahaja jurang perbezaan antara golongan yang kaya dan miskin dapat dirapatkan, dan kebajikan serta kepuasan ahli-ahli masyarakat dapat dilaksanakan.<sup>28</sup> Lebih jauh lagi ada yang mengatakan sistem yang dicipta oleh pemikir-pemikir Barat itu tidak berperikemanusiaan dan jauh daripada nilai-nilai Islam.<sup>29</sup>

Sementara sistem ekonomi komunis dan sosialis<sup>30</sup> pula berprinsipkan bahawa cara pengeluaran barang-barang tidak boleh dimiliki oleh individu. Pemilikan individu dan pihak swasta terhadap harta kekayaan dan pengeluaran barang-barang mesti dihapuskan dan ia dimiliki oleh pihak kerajaan. Dalam perkataan lain segala keputusan dalam ekonomi diserahkan kepada pihak pemerintah. Individu dan masyarakat komunis akan menjadi pekerja-pekerja dan buruh kepada kerajaan. Meskipun menurut fahaman Marxist-komunis bahawa sesebuah kerajaan itu akan lenyap dan masyarakat akan kekal tanpa kerajaan, kenyataan yang ada adalah sebaliknya. Secara teorinya juga fahaman ini cuba

<sup>27</sup> Al-Ṣadr, *op. cit.*, hal. 240-241.

<sup>28</sup> Lihat umpamanya M. A. Chawdhuri, "A Mathematical Formation of *mudārabah* the Profit Sharing in Islam" dlm Association of Muslim Social Scientists, *Proceedings, Third National Seminar*, Gary, Indiana, 1974, hal. 19-28; Mabid Mahmoud, "Frictions, Power Rationing and al-Zakat" dlm *Ibid.*, hal. 29-43.

<sup>29</sup> Sayyid Quṭb, *Ma'rakah al-Islām wa al-Ra's al-Māliyyah*, Qaherah, 1966, 122 hal.

<sup>30</sup> Kedua-dua sistem ekonomi ini tidak banyak perbezaannya melainkan dalam sistem ekonomi sosialis rakyat masih lagi dibenarkan memiliki firma-firma yang kecil sahaja. Sistem ini diamalkan, antaranya, oleh negara-negara di bawah kekuasaan Soviet Unions dahulu termasuk juga negara-negara yang bersekutu dengannya seperti Cuba dan lain-lain lagi. Lihat umpamanya Al-Lababidi, *Islamic Economics: A Comparative Study*, Islamic Publications Ltd., Lahore, 1980, hal. 15-30.

melepaskan manusia daripada cengkaman kaum pemodal, tetapi pada hakikatnya sistem ekonomi komunis dan sosialis ini telah meletakkan manusia dibawah perhambaan segelintir ahli-ahli politik yang berkuasa mutlak.<sup>31</sup>

Falsafah sistem ekonomi komunis dan sosialis tersebut telah dikritik hebat oleh ramai penulis Islam. Prof. Siddiqi, umpamanya, berpandangan bahawa sistem ini bertentangan dengan keperluan asas pertumbuhan moral dan spiritual peribadi insan, paling utama ialah kebebasan memilih dan bertindak. Pemilikan harta persendirian dan kebebasan berusaha dalam batasan yang dibenarkan dan tertakluk kepada kepentingan awam dianggap penting dalam kehidupan manusia. Pemilikan keseluruhan sumber-sumber pengeluaran dilihat tidak sejajar dengan prinsip demokrasi yang merupakan antara ciri penting dalam sistem politik Islam. Akhirnya pendekatan yang diambil akan menekan golongan ramai. Konflik kelas adalah berlawanan dengan cara hidup Islam. Sebagai sistem ekonomi, sosialisme dianggap gagal dalam menjawab banyak persoalan seperti penyusunan masyarakat dan pembangunan ekonomi.<sup>32</sup> Eksploitasi manusia oleh manusia seperti yang berlaku dalam sistem ekonomi kapitalis, tidak boleh dihapuskan dengan menukar tangan yang menguasai alat-alat eksploitasi itu. Satu-satunya cara untuk mencapai matlamat di atas ialah dengan mengorientasikan semula moral individu yang menjadikan mereka abdi kepada masyarakat dan pekerja-pekerja dalam mencapai kebajikan sosial. Inilah yang dilakukan oleh Islam dengan mengaitkan mereka dengan Allah yang menghendaki mereka hidup mengikut Syariat Islam yang mengatur semua bidang kehidupan. Manusia hanya sebagai khalifah, hamba dan pemegang amanah dalam hubungannya dengan harta dan kekayaan

<sup>31</sup> Lihat 'Abd al-'Aziz al-Badri, *Hukm al-Islām fī al-Ishtirākīyyah*, al-Maktabah al-'Ilmiyyah, Madinah, 1969, 172 hal.; Mahmūd al-Nawawī dan 'Abd al-Mun'im Khafajī, *Baina al-Shuyū'īyyah wa al-Islām*, Dār al-'Ahd al-Jadīdī, Qaherah, 1959, 102 hal.; Khalifa Abdul Hakim, *Islam and Communism*, Institute of Islamic Culture, Lahore, 1953, 262 hal.

<sup>32</sup> Muhammad Nejatullah Siddiqi, *Muslim Economic Thinking: A Survey of Contemporary Literature*, hal. 52.

anugerah Allah di dunia yang sementara ini. Allah adalah pemilik mutlak segala yang ada di langit dan di bumi.<sup>33</sup>

Walaupun komunisme didakwa berjaya meningkatkan kebajikan sosial dan menghapuskan pengangguran serta mengurangkan pembaziran sumber-sumber, al-Mawdūdī tetap menegaskan bahawa semua itu dicapai dengan harga yang cukup mahal dari sudut kehidupan manusia. Komunisme merampas hak kebebasan orang ramai dan mengingkari nilai moral. Rasuah merebak dengan meluas dan satu regim yang totalitarian akan mengambil langkah-langkah lain yang lebih menekan orang ramai.<sup>34</sup>

Al-Ṣadr pula menganggap pendekatan Marx sebagai tidak kurang individualistiknya berbanding dengan kapitalisme kerana golongan yang tidak berada disarankan supaya merampas hak dan kekayaan golongan yang berada (kapitalis).<sup>35</sup> Perbincangan-perbincangan berkenaan akhirnya menolak sistem komunis dan sosialis daripada dilaksanakan dalam kehidupan manusia kerana berdasarkan pengalaman sejarah, mereka menimbulkan banyak masalah daripada apa yang cuba diselesaikannya,<sup>36</sup> menghalang pembangunan ekonomi,<sup>37</sup> penyelesaian-penyelesaian masalah ekonomi yang dikemukakan tidak relevan dan realistik,<sup>38</sup> menimbulkan pertentangan kelas yang semakin teruk<sup>39</sup> dan menghalang hak dalam

---

<sup>33</sup> *Ibid.*

<sup>34</sup> Al-Mawdūdī, *op. cit.*, hal. 52-83.

<sup>35</sup> Muhammad Bāqir al-Ṣadr, *op. cit.*, hal. 218.

<sup>36</sup> 'Abdul Ḥamīd Siddīqī, *Insāniyat ki Ta'mīr-e-nau aur Islām (Pembentukan Semula Kemanusiaan dan Islam)*, Lahore, 1956, 304 hal. Seperti dicatat oleh M. N. Siddiqi, *op. cit.*, hal. 53.

<sup>37</sup> *Ibid.*

<sup>38</sup> M. A. Mannan, *op. cit.*, hal. 48-52.

<sup>39</sup> M. Muhammad Hussain, *Islam Versus Socialism*, Sh. Muhammad Ashraf, Lahore, 1970, 170 hal.

sistem demokrasi dan pertumbuhan spiritual serta moral.<sup>40</sup>

### Globalisasi

Dekad 1990-an sering dikaitkan sebagai zaman globalisasi atau *the age of globalization*. Ini adalah kerana pada dekad ini globalisasi ialah fenomena terpenting yang mencorakkan *order baru* ekonomi baru. Kegiatan ekonomi dunia tidak lagi terkongkong oleh sempadan geografi, bahasa, budaya dan ideologi politik sesebuah negara. Sebaliknya sistem ekonomi sesebuah negara bergerak secara lebih terbuka atas dasar gantung bergantung dan perlu memerlukan antara satu sama lain. Dunia sudah menjadi planet yang tidak bersempadan (*borderless world*)<sup>41</sup> yang kaya dengan pelbagai peluang dan cabaran untuk dimanfaatkan dan dihadapi oleh masyarakat sejagat. Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi telah membuka jalan kepada dunia tanpa sempadan, ketelusan (*transparent*), internationalisme dan lain-lain lagi yang menjurus kepada persaingan yang drastik dalam apa juga keadaan. Ia adalah satu proses membuka keadaan yang pada umumnya dapat difahami sebagai proses di mana sempadan negara-negara, termasuk negara-negara umat Islam, semakin runtuh dan seluruh buana ini semakin berubah menjadi satu unit. Dalam unit global ini, hubungan adalah cepat dan rapat. Keadaan ini juga dikaitkan dengan perkembangan teknologi elektronik yang berkembang dengan pesat sekali. Fenomena dunia tanpa sempadan ini juga dikatakan sebagai "*the line between domestic and international is irretrievably blurred*" atau digelar juga sebagai "*global village*." Namun dari sudut politik, sosial, ketenteraan dan lain-lain lagi (selain ekonomi), globalisasi masih bertahan dengan nilai-nilai tradisi yang mana penguasaannya masih tertakluk kepada sesebuah negara.

<sup>40</sup> M. N. Siddiqi, *op. cit.*, hal. 53; Lihat juga Muhammad Ihsanullah Khan, "Communism and Islam Contrasted," *Islamic Literature*, Vol. 3 (4), April 1951, hal. 11-21; M. H. Kerr, "Islam and Arab Socialism," *Muslim World*, Vol. 56 (4), October 1966, hal. 276-281.

<sup>41</sup> Kenichi Ohmae, *The Borderless World*, Fontana Harper Collins Pub, USA, 1991.

Ketika membicarakan globalisasi, Mike Johnson menulis:

“The global village exists. Whether we like it or not, whether we want to work that way or not, we are in an age of practically instant communications from anywhere to anywhere. As E-mail, worldphone cards, computerized call-backs and video conferencing have shown, the only thing you need to be an instant global player is a few thousand dollars. For a few thousand more you can buy a doosh that will up-link you to a satellite and you can work from the center of Borneo if that is what takes your fancy. For any serious business executive, already today, the phrase ‘sorry I wasn’t in when you phoned’ is the most lame excuse in the vocabulary. By tomorrow it will be as hackneyed as ‘Your cheque’s in the mail’ or ‘Our computers have just gone down.’”<sup>42</sup>

Alvin Toffler dan Heidi dalam penulisannya pernah menyatakan tentang globalisasi seperti berikut:

“Few words are more loosely thrown about today than the term ‘global’. Ecology is said to be ‘global’ problem. The media are said to be creating a ‘global’ village. Companies proudly announce that they are ‘globalizing’. Economists speak of ‘global’ growth or recession. And the politician, UN official, or media pundit doesn’t exist who isn’t prepared to lecture us about ‘global system’.”<sup>43</sup>

Antara beberapa petanda yang menunjukkan globalisasi sedang berlaku di seluruh dunia adalah seperti berikut:

- i. Pada tahun 1991, lebih 1 bilion manusia menaiki kapalterbang di seluruh dunia.
- ii. Syarikat-syarikat asing di Amerika Syarikat memberi pekerjaan kepada 3 juta penduduk Amerika Syarikat.
- iii. Syarikat McDonalds beroperasi di lebih 10,500 restoran

<sup>42</sup> *Managing The Next Millenium*, Butterworth Heinemann, 1995, hal. 14.

<sup>43</sup> Alvin Toffler dan Heidi, *War and Anti-War: Survival at The Dawn of the 21st Century*, Warner-Book, New York, 1993, hal. 318-319.

- di 50 buah negara di dunia.
- iv. Pelaburan asing di Amerika Syarikat sekarang melebihi 2 trilion Marks.
  - v. Syarikat-syarikat '*multinational*' dan syarikat-syarikat kecil mulai kehilangan identiti kebangsaan dan menuju 'global,' hasil ciptaan, pembuatan, penjualan dan perkhidmatan diintegrasikan dan diselaraskan dengan kehendak dunia luar.
  - vi. Pada tahun 1988, Amerika Syarikat dan Kanada telah menggugurkan semua halangan dalam perdagangan antara kedua-dua negara.
  - vii. Pada tahun 1992, 12 buah negara Eropah telah menggugurkan semua halangan dalam perdagangan sesama mereka.
  - viii. Pasaran Kewangan dibuka 24 jam sehari di seluruh dunia.<sup>44</sup>

Berhubung dengan globalisasi ekonomi, John Naisbitt dan Patricia Aburdene<sup>45</sup> menyatakannya dengan tiga ungkapan berikut:

"The economic forces of the world are surging across national borders, resulting in more democracy, more freedom, more trade, more opportunity and greater prosperity".

"In global economy, economic considerations almost always transcend political considerations".

"In the global economy, presidents, prime ministers and parliaments are less and less important"

Pergerakan perdagangan bebas yang berlaku antara negara-negara di dunia ini seperti dinyatakan di atas, antaranya, adalah disebabkan oleh penggabungan antara telekomunikasi dan ekonomi. Umpamanya pada April 1989, kabel *fiber optik* merentasi

<sup>44</sup> Lihat Olen bin Tabor, "Globalisasi - Implikasi Serta Kesannya Terhadap Pembangunan Sumber Manusia," dalam <http://www2.moe.gov.my/~bpg/jmmp981.htm>, 14 Februari 2001.

<sup>45</sup> *Megatrends 2000*, Avon-Books, New York, 1990, hal. 1.



Lautan Pasifik menghubungkan Amerika Syarikat dan Jepun. Sementara itu Amerika Utara, Eropah, Asia dan Australia juga telah dihubungkan dengan *fiber optik* di dasar laut dan setiap satu *fiber optik* itu boleh membawa lapan ribu perbualan berbanding dengan 48 perbualan untuk talian tembaga.

Di samping perdagangan bebas, globalisasi juga dikaitkan dengan perkembangan syarikat-syarikat gergasi di dunia. Menurut Moran dan Stripp,<sup>46</sup> ada 12 kekuatan luaran yang menyebabkan globalisasi korporat berlaku, iaitu:

- i. Increased foreign competition in their domestic markets.
- ii. Expanded free trade policies such as the European Common Market and North American Free Trade Agreement.
- iii. Improved telecommunications and information systems that allow instant decision making and transfer of data.
- iv. Better utilization of company personnel.
- v. Lower transportation costs and time.
- vi. Increased global customer bases.
- vii. Worldwide financial systems will access to the global money markets that allow for utilization of foreign capital, tax advantages, the opportunity to diversify risks, and the ability to profit from foreign exchange fluctuations.
- viii. Opportunities for larger profits due to economies of scale in production, logistics and marketing.
- ix. Ability to earn additional income on existing technology.
- x. Increased product/service life cycle.
- xi. Opportunities to gain an edge in reputation and credibility.
- xii. Access to foreign technology, skills, knowledge, capital, dan human resources, and

---

<sup>46</sup> Seperti dicatat oleh Michael J. Marquardt dan Dean W. Engel, *Global Human Resource Development*, Prentice-Hall, Inc., New York, 1995, hal. 87.

### xiii. Access to natural resources.

Kemajuan teknologi pada masa hadapan juga akan merubah kehidupan manusia. Teknologi akan menjadi begitu canggih hinggalan komputer yang ada pada hari ini yang mempunyai sistem CAD-CAM akan menjadi *peninggalan zaman batu* di masa akan datang. Lantaran itu, sektor industri dan sistem ekonomi akan menghadapi perubahan yang sangat drastik. Globalisasi teknologi seperti ini telah diungkapkan oleh Marquardt dan Engel seperti berikut:

“In the new millennium, every industrial country will have this same ‘hit parade’ of technology-microelectronics, biotechnology, new materials (ceramics, plastics, and composites), telecommunications, robotics and machines tools, and computers and software. The result will be global head-to-head competition in every major market”.<sup>47</sup>

### Matlamat Globalisasi

Globalisasi, liberalisasi dan deregulasi yang dipelopori oleh negara-negara Barat bertujuan untuk meningkatkan aliran perdagangan dan pemasaran antarabangsa, khususnya untuk meningkatkan akaun semasa dan akaun modal bagi imbalan pembayaran negara. Kesan seterusnya ialah berlaku pasaran bebas dan kemasukan modal asing dalam sistem ekonomi sesebuah negara tanpa ada batasan. Dari sudut lain, globalisasi dilihat sebagai penguasaan negara-negara Barat dan maju terhadap ekonomi sesebuah negara secara manipulatif iaitu suatu fenomena yang dinamakan ‘kolonialisme baru’ yang mendapat manfaat hasil dari teknologi elektronik masakini.<sup>48</sup>

<sup>47</sup> Marquardt dan Engel, *Global Human Resource Development*, hal. 295.

<sup>48</sup> Ismail Awang, “Peranan Ekonomi Islam Dalam Era Globalisasi” dalam N. Mustapha N. Hassan, et al (eds.), *Globalisasi: Peranan Ekonomi Dan Kewangan Islam*, IKIM, 1999, hal. 150; Lihat juga Martin Khor, *Globalization and The South: Some Critical Issues*, Third World Network, Penang, 2000, 106 hal.

## Kesan Globalisasi

Adam Smith dalam penulisan ekonomi klasiknya pada tahun 1776 yang berjudul *'The Wealth of Nations'* antara lain telah menyatakan tentang kebebasan berdagang, kebebasan dari tarif dan cukai, larangan dari memonopoli dan larangan-larangan lain yang dikeluarkan oleh kerajaan kepada pengeluar dan pedagang. Pokok perbincangan beliau pada waktu itu ialah perdagangan bebas dan segala keputusan dalam ekonomi diserahkan kepada pasaran. Namun begitu menjelang tahun-tahun 1960 dan 1970-an dalam abad ke 20, ramai pihak menyedari perlunya deregulasi<sup>49</sup> sebagaimana yang berlaku di Amerika Syarikat. Kesan dari perubahan teknologi, kebanyakan industri di Amerika Syarikat tidak lagi bertindak sebagai pemonopoli tulin dan diakui bahawa *'regulation'* telah menghalang industri-industri baru yang mampu menawarkan perkhidmatan yang lebih baik dan harga keluaran yang lebih murah dari memasuki pasaran. Perkhidmatan yang berteraskan kepada deregulasi yang menuju kepada era globalisasi kemudiannya lebih diminati berbanding yang berteraskan kepada regulasi, umpamanya perkhidmatan dalam industri penerbangan di Amerika Syarikat.<sup>50</sup>

Antara kesan langsung dari globalisasi ialah krisis kewangan dan kegawatan ekonomi yang menimpa negara di dunia. Kegawatan ekonomi setelah hasil daripada pengintergrasian sepenuhnya sistem ekonomi sesebuah negara ke dalam sistem glo-

<sup>49</sup> Menurut Bronfenbrenner, Sichel dan Gardner "The main purpose of deregulation are to increase competition and to open up businesses and professions to the newcomer, the outsider, the new process. Deregulation is also designed to break down artificial and functionless walls separating one occupation or business from another, in the interest of interindustry and interproduct competition. The key arguments here are the opening up of closed markets, accelerating processes of technical change and creative destruction and eliminating convenient refuges from competition", *Economics*, Houghton Mifflin Co., Massachusetts, 1987, hal. 785.

<sup>50</sup> Bronfenbrenner, Sichel dan Gardner, *Economics*, hal. 715; Ismail Awang, "Peranan Ekonomi Islam Dalam Era Globalisasi" dalam N. Mustapha Hj. N. Hassan, et al (eds.), *Globalisasi: Peranan Ekonomi dan Kewangan Islam*, IKIM, 1999, hal. 141-142.

bal menyebabkan negara berkenaan amat terdedah kepada kesan pelarian modal. Apabila keadaan ini berlaku, negara berkenaan akan “menjadi miskin” dan akan bersusah payah untuk membangunkan semula ekonominya atau terpaksa bergantung dengan kuasa atau negara pembekal modal. Selain itu, kejatuhan ekonomi sesebuah negara itu turut meninggalkan kesan kepada negara-negara lain. Umpamanya seperti yang sering dikatakan oleh penganalisis ekonomi, kejatuhan ekonomi Jepun, China dan Amerika Syarikat turut memberi kesan kepada ekonomi negara-negara di rantau ini. Demikian juga kestabilan matawang Yen Jepun amat penting kepada negara-negara di rantau ini kerana Jepun dianggap sebagai kuasa ekonomi yang penting di dunia.<sup>51</sup>

### **Peranan Ekonomi Islam Dalam Era Globalisasi**

Setelah membincangkan sistem ekonomi konvensional yang bermasalah terutamanya dalam era globalisasi, sistem ekonomi yang telah melahirkan makro ekonomi yang membawa ketidakseimbangan defisit imbalan, inflasi, tanggungan hutang, pengangguran, kemiskinan, kelaparan, monopoli dan memecah belah status masyarakat. Hasilnya wujud jurang perbezaan yang amat ketara antara yang miskin dan yang kaya, yang membawa fenomena sosio-politik yang tidak stabil. Dari itu, sistem ekonomi Islam yang berteraskan Tawhid dilihat sebagai alternatif dalam menguruskan ekonomi negara-negara berkenaan. Hal ini adalah selaras dengan perkembangan sistem ekonomi Islam yang semakin terserlah keunggulannya. Dalam era tatacara order dunia baru, sistem ekonomi Islam yang dikatakan akan menggantikan sistem ekonomi dunia dewasa ini yang dianggap *anarki*, mempunyai peranan yang besar supaya masalah-masalah ekonomi tersebut dapat diatasi. Oleh itu beberapa strategi yang mendokong peranan, prospek dan perubahan-perubahan dari pengamalan sistem ekonomi konvensional kepada sistem ekonomi Islam akan dibincangkan di bawah.

Strategi yang mendokong peranan ekonomi Islam dalam era globalisasi dilihat dalam dua aspek iaitu strategi primer dan strategi

<sup>51</sup> Ismail Awang, “Peranan Ekonomi Islam,” hal. 150-151.

skunder. Strategi primer merujuk kepada perubahan-perubahan yang dilakukan dalam sistem ekonomi kepada sistem ekonomi Islam dan perubahan-perubahan tersebut membawa perubahan dalam semua bidang seperti politik, social, keselamatan dan sebagainya. Kaedah yang dicadangkan ialah SWOT (*strengths, weakness, opportunities and treats*) yang dianggap sebagai strategi primer.<sup>52</sup> Kekuatan (*strengths*) merujuk kepada penonjolan karakteristik istimewa yang ada dalam ekonomi Islam berbanding dengan sistem ekonomi konvensional seperti persamaan peluang untuk memiliki kekayaan dan modal dari sumber-sumber ekonomi yang ada, kesamaan kepentingan individu dan masyarakat, keadilan pengagihan pendapatan dan kekayaan negara, pengharaman riba yang menindas golongan usahawan oleh para pemodal yang kaya raya, penolakan unsur-unsur negatif dalam apa jua aktiviti ekonomi seperti penggunaan dan pengeluaran dan sebagainya. Sistem ekonomi Islam yang sesuai untuk semua keadaan, tempat dan masa sudah pasti diterima sebagai sistem ekonomi dunia yang sihat dan di sinilah letaknya kelemahan sistem ekonomi konvensional yang sudah lapuk ketinggalan zaman. Sistem ciptaan pemikiran manusia ini dilihat mengutamakan negara maju dan melahirkan jurang yang begitu luas antara negara yang kaya dengan negara yang miskin dan hasilnya ketidakseimbangan dalam ekonomi dunia berlaku. Inilah kelemahan (*weakness*) hasil dari pelaksanaan sistem ekonomi konvensional di negara-negara dunia dewasa ini.

Strategi yang ketiga ialah peluang (*opportunities*) kepada sistem ekonomi Islam bagi menggantikan sistem ekonomi konvensional dalam era globalisasi. Negara-negara Islam yang menjadi pemangkin kepada pertumbuhan sistem ekonomi Islam berperanan utama merebut peluang keemasan ini supaya sistem ini diterima oleh semua negara dunia. Peluang-peluang juga dikaitkan dengan pemilikan-pemilikan yang dimiliki oleh negara-negara Islam seperti sumber asli, tenaga kerja, teknologi, ilmu pengetahuan, kestabilan dan sebagainya membuktikan sistem ekonomi Islam

<sup>52</sup> Amiruddin Sadali, "Peranan Ekonomi Islam Dalam Era Globalisasi," dalam N. Mustapha Hj. N. Hassan, et al (eds.), *Globalisasi: Peranan Ekonomi Dan Kewangan Islam*, IKIM, KL, 1999, hal. 183-187.

berpotensi besar untuk menjadi alternatif kepada sistem ekonomi yang sedia ada.

Strategi yang keempat ialah ancaman (*threats*) atau pertentangan yang akan dihadapi dalam proses pelaksanaan sistem ekonomi Islam di negara-negara berkenaan. Oleh yang demikian, pihak-pihak yang berkenaan harus memperlihatkan keunggulan sistem ekonomi Islam berbanding dengan sistem ekonomi konvensional dari sudut kesederhanaan, prinsip penjimatan, menentang budaya berhutang, budaya bersaing, mengharamkan sistem riba, perkongsian untung dan rugi dalam sistem perbankan dan kewangan Islam dan sebagainya. Apabila strategi ini berjaya diandaikan sistem ekonomi Islam dapat diterima oleh negara-negara dunia dalam kehidupan perekonomian mereka terutamanya dalam era globalisasi.

### **Cabaran Ekonomi Islam Dalam Era Globalisasi**

Beberapa cabaran perlu diatasi untuk mencapai matlamat supaya ekonomi Islam dapat membawa perubahan sistem ekonomi dunia yang berasaskan kepada prinsip-prinsip Islam dalam era globalisasi. Meskipun ada pihak-pihak yang meragukan kemampuan ekonomi Islam menjadi alternatif dan sekaligus menggantikan sistem ekonomi konvensional yang diamalkan dikebanyakkan negara, namun begitu kejayaan melaksanakan prinsip-prinsip Syariah dalam amalan sistem perbankan dan kewangan di banyak negara termasuk di negara-negara bukan Islam akan menjadi pencetus ke arah tersebut.

Percanggahan pendekatan ke arah pelaksanaan sistem ekonomi Islam yang majoriti penduduknya beragama Islam juga merupakan cabaran dalam pencapaian peranan. Adalah disarankan negara-negara berkenaan melaksanakan satu sistem yang sama yang akan menjadi model kepada negara-negara bukan Islam untuk melaksanakannya. Hal ini dianggap sebagai satu cabaran yang menyeluruh kerana ia memerlukan komitmen yang bersungguh-sungguh dari semua negara untuk melaksanakan sistem ekonomi Islam yang unggul itu.

Dalam era globalisasi ini, persaingan untuk menjadi salah satu

kuasa besar ekonomi dunia sering dikaitkan dengan penguasaan ilmu pengetahuan dalam bidang sains dan teknologi, kemajuan dalam teknologi maklumat, penyelidikan, pertahanan, jaringan perdagangan antarabangsa dan sebagainya. Banyak ayat al-Qur'an dan Hadith-hadith Nabi Muhammad s. 'a.w yang menyarankan umat Islam supaya menguasai dan melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan tersebut. Antara ayat-ayat al-Qur'an tersebut ialah, maksudnya:

*"Katakanlah: Apakah sama orang-orang yang berilmu dengan orang-orang yang tidak berilmu?"* (al-Zumar, 39: 9).

Melalui pelbagai pendekatan dalam pelaksanaan sistem ekonomi Islam, sistem ini akan dapat memainkan peranan yang penting dalam era dunia tanpa sempadan. Hal ini selaras dengan Firman Allah SWT yang bermaksud:

*"Maka apabila kamu telah selesai mengerjakan sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi; dan carilah kurnia Allah dan ingatlah Allah sebanyak-banyaknya supaya kamu beroleh keuntungan."* (al-Jum'ah, 62: 9).

Cabaran seterusnya yang dihadapi oleh umat Islam termasuk di Malaysia kini ialah harus mengambil kesempatan daripada era globalisasi ini. Dari aspek ekonomi, negara-negara berkenaan tidak boleh menutup pintunya daripada pasaran ekonomi dunia kerana seandainya pasaran barangan sesebuah negara itu terlalu kecil, ekonominya akan terhalang daripada berkembang. Namun demikian, negara-negara berkenaan membebaskan diri daripada cengkaman negara-negara maju blok Timur mahu pun Barat dan meneguhkan hubungan antara negara-negara Islam tersebut dalam pelbagai aspek termasuk ekonomi<sup>53</sup> seperti memperteguhkan hubungan negara-negara Islam yang menjadi ahli OIC dan sebagainya.

<sup>53</sup> Khurshid Ahmad, "Economic Development in an Islamic Framework" dalam Khurshid Ahmad (ed.), *Studies in Islamic Economics*, The Islamic Foundation, Leicester, UK, 1981, hal. 182.

Umat Islam termasuk di Malaysia harus memanfaatkan era globalisasi ini dengan mencari peluang-peluang baru dalam pasaran produk-produk negara supaya dapat bersaing di pasaran antarabangsa. Selain dari itu, umat Islam juga harus membuat anjakan paradigma supaya dapat menjadi umat manusia yang disegani, dihormati dan digeruni oleh negara-negara lain melalui pencapaian dalam bidang ekonomi, sains dan teknologi dan sebagainya serta penghayatan Shari'at Islam secara menyeluruh dalam diri dan semua aspek kehidupan dan bernegara.

Cabaran lain yang dilihat tidak sihat dan menjadi tembok penghalang kebangkitan semula sistem ekonomi Islam ialah kesan-kesan pengamalan sistem ekonomi konvensional. Antara kesan-kesan tersebut ialah pembangunan ekonomi yang tidak seimbang, persaingan yang tidak sihat, inflasi, deflasi, beban hutang dari dalam dan luar negara, monopoli dan seumpamanya. Masalah-masalah di atas akan digambarkan sebagai kelemahan-kelemahan sistem ekonomi Islam yang dilaksanakan oleh negara-negara berkenaan.

### **Kesimpulan**

Daripada perbincangan di atas dapatlah disimpulkan bahawa sistem ekonomi Islam adalah satu sistem ekonomi yang berteraskan Tawhid yang unggul, bersifat semasa dan internasional. Sistem ekonomi ini dilihat mampu menjadi alternatif menggantikan sistem ekonomi konvensional yang diamalkan oleh kebanyakan negara di dunia kini. Dalam era globalisasi dewasa ini, sistem ekonomi Islam dilihat mempunyai peranan yang signifikan untuk dimartabatkan dan diterima oleh semua negara di dunia menggantikan sistem ekonomi konvensional yang diakui gagal berfungsi menangani persoalan-persoalan ekonomi yang bersifat global, *multilateral*, *bilateral*, internasional dan transnasional.